Pelaksanaan Pembelajaran Koperatif Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Sarjana Muda Pendidikan Teknik Dan Vokasional

oleh Zahari bin Mohamad
Penyelia : Prof. Madya Dr. Ahmad Zaidi bin Johari

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap pelaksanaan pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di KUiTTHO. Kajian ini turut mengenalpasti tahap kefahaman pelajar tentang ciri-ciri pembelajaran koperatif, tahap penerimaan pelajar dan masalah yang dihadapi pelajar semasa mengikuti pembelajaran koperatif. Kajian ini dijalankan melalui soal selidik dan melibatkan responden yang terdiri daripada 117 orang pelajar Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional Tahun 3 dan dan 4 dan 21 orang pensyarah Jabatan Pendidikan Kejuruteraan, KUiTTHO. Keseluruhan data yang diperolehi dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) ver 11.5 dan analisa dibuat dalam bentuk peratusan, skor min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan pelaksanaan pembelajaran koperatif adalah pada tahap tinggi. Pelajar juga mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap ciri-ciri penting pembelajaran koperatif. Selain itu, pelajar menunjukkan sikap positif dengan penerimaan tinggi pelajar terhadap pembelajaran koperatif. Namun, terdapat beberapa masalah yang dihadapi yang dilihat menjejaskan keberkesanan pembelajaran yang dijalankan. Perkara ini perlu diteliti supaya langkah-langkah yang perlu boleh diambil untuk mengatasi masalah ini. Beberapa cadangan turut dikemukakan untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran koperatif selain panduan untuk kajian selanjutnya.

Abstrak

This study intends to identify the level of cooperative learning implementation in the teaching and learning process in KUiTTHO. This study also identifies the students level of understanding on cooperative characteristic, students level of acceptance and problems faced by students along the way of cooperative learning. The study was conducted through questionnaire that involves respondent consisted of 117 Technique and Vocational 3rd and 4th year under graduate students and 21 lecturers in the KUiTTHO department of engineering education. The overall data obtained were analyzed using the Statistical Package for Social Science (SPSS) Ver. 11.5 and analysis are performed in percentages, mean score and standard deviation. The result indicated high level of cooperative learning implementation. The students were also found to possess a high level of understanding on cooperative learning characteristics. Other than that, the students responded positively with high level of acceptance on the cooperative learning itself. However, several problems were found to affect the cooperative learning. These matters should be carefully revised for further necessary steps to be taken and overcome the problems. Several recommendations were also included for the purpose of increasing cooperative learning effectiveness besides being guidance for further studies to be conducted.